

# Qalam

KDN 1275

Bilangan 181

Rabi' al-Akhir 1385 - August 1965 - 60 sen

## Lulus Jarum, Lulus Kelindan

Dalam Mesyuarat Agung Jamiyah pada 8 Mei 1965, tatkala hendak melantik Yang Dipertua Jamiyah, dikemukakan nama Yang Mulia Datuk Al-Syed Ibrahim Al-Sagoff yang telah memegang jawatan Yang Dipertua Jamiyah sudah beberapa lama dahulu.

Cadangan itu telah dibantah oleh Edrus seorang anggota Jamiyah, tuan punya majalah ini, dengan alasan bahawa Al-Syed Ibrahim sekarang menjadi rakyat 'Arabiyyah Sa'udiyah iaitu kedudukannya berlainan daripada dahulu. Sungguhpun di dalam undang-undang Jamiyah (yang sepatutnya mesti dipinda) meluluskan seseorang yang bukan rakyat negeri yang bermastautin di sini boleh memegang jawatan-jawatan di dalam Jamiyah tetapi sebaliknya beliau telah menjadi pula Konsul Agung kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah yang menjadikan beliau seorang diplomat asing. Oleh kerana pada masa itu belum ada jawapan-jawapan yang diterima dari Kementerian Luar Negeri mengenai kedudukan seseorang diplomat asing mencampuri hal ehwal negeri ini maka pembangkang atas lantikan Datuk Al-Syed Ibrahim menjadi Yang Dipertua Jamiyah mendasarkan bahasannya ke atas etiket seseorang diplomat asing di negeri ini dan menjelaskan bahawa sekiranya duta asing diluluskan menjadi Yang Dipertua

Jamiyah, sebuah badan agama, maka adalah memberi peluang untuk diplomat-diplomat yang lain boleh mencampuri badan-badan agama dan sosial di negeri ini, dan pembangkang itu pula memperingatkan di dalam mesyuarat itu bahawa jika terbit sesuatu perkara yang tidak diinginkan, mungkin kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah akan tertarik-tarik kerana hubungan rapatnya dengan orang-orang Islam sekalipun wakilnya itu tidak mencampuri di dalam persoalan-persoalan yang tidak diinginkan yang mungkin timbul itu. Dengan kerana menjaga nama baik kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah yang sentiasa mempunyai hubungan yang baik dengan negara Malaysia maka pembangkang itu membangkang dengan sekeras-kerasnya dan memperingatkan bahawa melantik Datuk Al-Syed Ibrahim menjadi Yang Dipertua Jamiyah adalah dipandang sebagai suatu perbuatan yang kurang bijak.

Tetapi suara ramai tidak mengendahkan kepada bangkangan itu dan tidak memandang jauh akan bencana yang timbul atas lantikan itu. Di dalam keluaran yang lalu kita telah menyiarkan jawapan Kementerian Luar Negeri Malaysia terhadap kepada pertanyaan kita tentang kedudukan seorang rakyat asing yang menjadi Duta atau Konsul negerinya di negeri ini - bolehkah menjadi anggota atau *Ex-officio* (pegawai) bagi badan-badan siasah, sosial dan agama di Malaysia ini; dan jawapan yang diberi oleh kementerian itu atas pertanyaan-pertanyaan yang tersebut dengan sepatah kata tidak: ertinya **seseorang diplomat asing tidak boleh menjadi anggota atau pegawai sesuatu badan siasah, sosial dan agama di Malaysia ini.**

Pembangkang dengan sifatnya sebagai anggota Jamiyah menyampaikan kandungan surat ini kepada Setiausaha Jamiyah dan berdasarkan kepada jawapan ini menuntut supaya diadakan mesyuarat agung semula untuk melantik Yang Dipertua yang baharu sebab di dalam kenyataan itu jelas bahawa Datuk

Al-Syed Ibrahim dengan sifatnya sebagai Konsul kerajaan asing di negeri ini tidak diluluskan memegang jawatan itu.

Kemudian suatu jawapan daripada Setiausaha Jamiyah diterima menyatakan bahawa Datuk Al-Syed Ibrahim dikatakan telah bertanya kepada *Registrar of Society* (Kementerian Sosial Singapura) tentang kedudukan beliau menjadi Yang Dipertua Jamiyah dan jawapan yang diberi khabarnya bahawa jabatan negeri itu tidak berkeberatan beliau memegang jawatan Yang Dipertua Jamiyah.

Hal ini menimbulkan suatu kemusykilan:

- Pertama – Dengan sifat sebagai seorang Konsul asing di negeri ini yang kedudukannya terletak di bawah protokol Kementerian Luar Negeri, menurut pendapat kita, maka bukan pada tempatnya pertanyaan ini didatangkan kepada *Registrar of Society* tetapi mengenai kedudukannya mestilah dirujuk kepada Kementerian Luar Negeri. Jika tidak dibuat demikian kita berpendapat ini adalah melanggar protokol Kementerian Luar Negeri.
- Kedua – Sekiranya *Registrar of Society* menerima pertanyaan itu maka dengan sifat yang bertanya itu terletak di dalam awasan Kementerian Luar Negeri maka *Registrar of Society* Singapura, menurut pandangan kita, hendaklah merujuk perkara itu kepada Kementerian Luar Negeri dan tidak terus memberi keizinannya sebelum menerima fikiran daripada Kementerian Luar Negeri.
- Ketiga – Kalau seorang diplomat asing yang beragama Islam sebagai Yang Mulia Datuk Al-Syed Ibrahim Al-Sagoff, Konsul Agung 'Arabiyyah Sa'udiyah

di Singapura diluluskan boleh menjadi anggota dan pegawai bagi sesebuah badan agama ertinya kelulusan ini membukakan peluang bagi diplomat-diplomat asing sama ada orang Islam atau bukan menjadi anggota atau pegawai dalam badan-badan sosial dan agama-agama yang lain dan dengan ini peraturan protokol yang sudah diberikan oleh Kementerian Luar Negeri tidak ada ertinya lagi dan Kementerian Luar Negeri tidak dapat mengadakan "control" kepada diplomat-diplomat asing.

- Keempat – Akibat-akibat yang terbit daripada ini mungkin menerusi badan yang diluluskan itu, diplomat-diplomat akan menggunakan pengaruhnya kepada tujuan-tujuan yang lebih besar yang boleh diseludupkannya menerusi badan-badan itu bagi meruntuhkan kedudukan negara ini. Ingat sahaja atas campuran yang rapat daripada diplomat-diplomat Indonesia di Malaya dahulu dengan penduduk negeri ini.

Kita tidak sekali-kali berniat, dalam perkara ini, menyentuh peribadi Yang Mulia Datuk Al-Syed Ibrahim Al-Sagoff yang telah lama mengenal beliau. Kita tahu jasa-jasa beliau banyak kepada Jamiyah dan masyarakat Islam di negeri ini. Keadaan beliau sekarang tidak seperti dahulu dengan kerana jawatan yang dipegang beliau dan sepatutnya beliau menyedari keadaan beliau sebagai seorang diplomat asing untuk menjaga nama baik kerajaan yang diwakili beliau dan juga kedudukan protokol wakil-wakil luar negeri yang ada di Malaysia ini. Semoleknya beliau menyedari hal ini sebelum Kementerian Luar Negeri menegur kedudukan beliau yang terang tidak diluluskan memegang sesuatu jawatan di dalam badan-badan di negeri ini sama ada siasah, sosial atau pun